

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HST 221 Tanah Besar Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam SATU (1) muka surat.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Setakat manakah perbezaan nasib Burma, Thailand dan Vietnam dalam zaman penjajahan dapat dihubungkan dengan corak kerajaan dan pentadbiran tradisi masing-masing?
2. Bagaimanakah pemerintahan penjajah secara langsung atau tidak langsung telah mempengaruhi perkembangan politik Burma, Thailand dan Vietnam sehingga kemerdekaan?
3. Bandingkan gerakan kebangsaan di Burma, Thailand dan Vietnam menjelang tahun 1930-an.
4. Yang mana satukah di antara negara-negara Tanah Besar yang menghadapi kemerdekaan selepas Perang Dunia II dengan asas demokrasi yang paling termaju? Bincangkan.
5. Thailand sebelum Perang Dunia II telah ditafsirkan sebagai negara separuh dijajah. Setakat manakah benarnya tafsiran itu?
6. Sejauhmanakah pendudukan Jepun telah menghalang ataupun mempercepatkan perkembangan politik di Burma, Thailand and Vietnam?
7. Mengapakah gerakan kebangsaan dan perjuangan untuk kemerdekaan telah muncul lewat di Kemboja dan Laos berbanding dengan negara-negara lain?
8. Ringkaskan syarat-syarat penting Persetujuan Geneva tahun 1954 dan nyatakan setakat manakah Persetujuan itu dipatuhi di negara-negara Indocina.